

17 MAR 1999

MT-Umno

DR MAHATHIR Pengerusi Mesyuarat Bulanan MT UMNO

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mesyuarat itu sepatutnya diadakan 8 Mac lalu tetapi terpaksa ditangguhkan kerana kebanyakan anggota MT berada di Sabah bagi membantu parti komponen Barisan Nasional (BN) menghadapi pilihan raya Dewan Undangan Negeri pada 12 dan 13 Mac lepas.

Antara perkara yang dijangka dibincangkan MT malam ini ialah kejayaan besar Umno di Sabah yang menyaksikan parti yang menunjangi BN itu menang di kesemua 24 kawasan yang ditandinginya.

Dalam pilihan raya negeri kesembilan itu, BN memenangi 31 kerusi dan baki 17 dimenangi Parti Bersatu Sabah (PBS).

Kejayaan itu membolehkan Datuk Osu Sukam dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru untuk menerajui kerajaan BN dan telah mengangkat sumpah Isnin lalu.

Selain itu, MT dijangka membuat keputusan mengenai keanggotaan panel peguam Umno yang dibentuk untuk meneliti dan mengambil tindakan terhadap golongan yang membuat tuduhan jahat terhadap parti, pemimpin dan kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan anggota MT Datuk Ibrahim Ali baru-baru ini berkata kertas cadangan bagi pembentukan panel itu sudah siap dan akan dibentangkan pada mesyuarat MT kali ini.

Penubuhan panel itu diumumkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi 6 Feb lalu.

-- BERNAMA

MAM RON